

HCQS TABLET

Hydroxychloroquine Sulfate (200 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HCQS Tablet
2. Bagaimana HCQS Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil HCQS Tablet
4. Cara mengambil HCQS Tablet
5. Semasa mengambil HCQS Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HCQS Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan HCQS Tablet

HCQS Tablet digunakan dalam rawatan:

1. Rheumatoid arthritis – keadaan yang menyebabkan sakit dan bengkak pada sendi.
2. Lupus – penyakit autoimun yang boleh menjejaskan kulit (lupus discoid) atau seluruh badan (lupus sistemik).

Bagaimana HCQS Tablet berfungsi

HCQS Tablet mengandungi bahan aktif hydroxychloroquine sulfate yang merupakan ubat antirheumatic. Ia berfungsi dengan mengurangkan kesakitan, bengkak dan memudahkan sendi digerakkan.

Sebelum mengambil HCQS Tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil HCQS jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap hydroxychloroquine sulfate atau sebatian 4-aminoquinoline (cth. chloroquine, amodiaquine) atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Anda mempunyai masalah mata (maculopathy).

Ubat ini tidak boleh digunakan untuk terapi jangka panjang pada kanak-kanak.

Hamil dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

HCQS mungkin dikaitkan dengan sedikit peningkatan risiko kecacatan dan tidak boleh digunakan semasa

mengandung kecuali doktor anda menyarakannya. Jika anda berisiko untuk hamil semasa mengambil Tablet HCQS, kaedah perancang keluarga yang berkesan harus sentiasa digunakan.

HCQS Tablet dirembeskan ke dalam susu ibu dalam kuantiti yang kecil, dan disebabkan risiko kesan sampingan pada bayi, langkah berhati-hati perlu diambil semasa penyusuan. Dapatkan rawatan perubatan segera jika anda mendapati bayi anda mengalami sebarang kesan sampingan.

Jangan ambil ubat ini jika mana-mana perkara di atas berlaku kepada anda. Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil HCQS Tablet.

- Sebelum anda mengambil

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil HCQS Tablet jika:

- Anda mempunyai atau pernah mengalami myasthenia (penyakit dengan kelemahan otot secara umum termasuk dalam beberapa kes, otot yang digunakan untuk bernafas). Anda mungkin akan mengalami peningkatan gejala seperti kelemahan otot, kesukaran menelan, penglihatan kabur, kelopak mata atas yang jatuh, dan sebagainya.
- Hydroxychloroquine boleh menyebabkan gangguan jantung, buah pinggang atau otot. Sila dapatkan nasihat doktor berkenaan tanda-tanda dan simptom yang berkaitan dengan fosfolipidosis yang disebabkan oleh ubat. Hydroxychloroquine mungkin perlu dihentikan.
- Masalah hati atau buah pinggang atau mengambil ubat yang diketahui menjejaskan fungsi hati dan buah pinggang.
- Masalah perut atau usus yang serius.
- Masalah mata atau penglihatan.
- Sebarang masalah berkaitan darah.
- Sensitif terhadap quinine.
- Kekurangan enzim tertentu (seperti kekurangan glucose-6-phosphate dehydrogenase).
- Porphyria (gangguan genetic yang jarang berlaku).
- Psoriasis (keadaan kulit yang

menyebabkan kulit bertompok dan mengelupas).

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengambil:

- Digoxin (digunakan untuk kegagalan jantung dan degupan jantung yang tidak teratur).
- Cyclosporin (digunakan untuk mencegah penolakan selepas pemindahan organ).
- Neostigmine, pyridostigmine (digunakan untuk kelemahan otot dalam myasthenia gravis).
- Antibiotik aminoglycoside (digunakan untuk jangkitan bakteria).
- Antacid, cimetidine (digunakan untuk masalah penghadaman atau refluks asid).
- Penicillamine (digunakan untuk rheumatoid arthritis dan penyakit Wilson).
- Vaksin rabies (digunakan untuk pencegahan rabies).

Cara mengambil HCQS Tablet

Sentiasa mengambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus diambil

Doktor anda akan menentukan dos mengikut berat badan anda. Sila rujuk kepada doktor anda untuk dos tepat yang perlu diambil.

Orang dewasa (termasuk warga tua):

- 1 atau 2 tablet setiap hari.
- Dos boleh dikurangkan daripada 2 tablet kepada 1 tablet setiap hari apabila keadaan anda semakin stabil.

Kanak-kanak dengan berat lebih daripada 31kg dan boleh menelan tablet:

- 1 tablet setiap hari.

- Bila perlu diambil

Ambil sekali atau dua kali sehari, atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil setiap dos dengan makanan atau

HCQS TABLET

Hydroxychloroquine Sulfate (200 mg)

segelas susu.

Elakkan mengambil antacid dalam masa empat jam selepas hydroxychloroquine, kerana ia boleh mengurangkan keberkesanannya.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil HCQS Tablet untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor.

Kesan penuh mungkin mengambil masa beberapa minggu, dan jika tiada peningkatan selepas enam bulan, sila berjumpa kembali dengan doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Hal ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan sakit kepala yang teruk, perubahan mendadak dalam penglihatan, degupan jantung yang laju atau pengsan. Sawan atau menggigil yang tidak terkawal dan kesukaran untuk bernafas juga boleh berlaku.

Semasa mengambil

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil HCQS Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Ambil HCQS Tablet hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi ubat ini dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan mesin.

Anda mungkin akan mengalami masalah penglihatan semasa mengambil ubat ini. Jika ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan apa-apa alat atau mesin, dan beritahu doktor anda dengan segera.

Doktor anda akan melakukan pemeriksaan mata secara berkala, kerana ubat ini boleh menjejaskan penglihatan terutamanya dengan penggunaan jangka panjang.

Berhati-hati dengan sebarang perubahan mood, seperti kesedihan yang luar biasa atau fikiran mencederakan diri sendiri, terutamanya dalam beberapa minggu pertama mengambil ubat ini.

Lindungi kulit anda daripada cahaya matahari, kerana hydroxychloroquine boleh menjadikannya lebih sensitif kepada cahaya.

Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak, kerana ia boleh menjadi sangat toksik kepada mereka walaupun dalam kuantiti yang kecil.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, HCQS Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Gangguan psikiatri

- Biasa: perubahan mood.
- Tidak biasa: gugup
- Kekurangan tidak diketahui: berasa tertekan atau terfikir untuk mencederakan diri sendiri atau membunuh diri, berasa gementar atau cemas, berasa keliru, halusinasi, gelisah, berasa gembira atau terlalu teruja, sukar tidur.

Gangguan kulit

- Ruam kulit, perubahan warna kulit,

keguguran rambut, atau warna rambut menjadi cerah.

- Kes jarang berlaku seperti tindak balas kulit yang teruk.
- Menerukkan keadaan kulit tertentu seperti psoriasis atau porphyria.
- Kekurangan tidak diketahui: reaksi kulit termasuk luka berwarna ungu plum, timbul, dan menyakitkan, terutamanya pada lengan, tangan, jari, muka, dan leher, yang mungkin juga disertai dengan demam. Ini mungkin merupakan keadaan yang dikenali sebagai Sweet's syndrome.

Gangguan mata

- Boleh menjejaskan penglihatan, tetapi boleh dielakkan pada peringkat awal jika pengambilan ubat dihentikan.
- Perubahan pada kornea mata: bengkak atau kekeruhan pada mata, yang mungkin menyebabkan masalah penglihatan seperti lingkaran cahaya, penglihatan kabur atau sensitif kepada cahaya, tetapi boleh dielakkan apabila pengambilan ubat dihentikan.

Gangguan gastrousus

- Biasa: loya, cirit-birit, hilang selera makan, kekejangan perut, muntah
- Jarang: masalah hati termasuk kegagalan hati.

Gangguan sistem saraf pusat

- Kerisauan, kegelisahan, perubahan emosi, mimpi ngeri, psikosis, sakit kepala, pening, rasa berpusing, bunyi berdesing di telinga, masalah penglihatan, kehilangan pendengaran, sawan, hilang keseimbangan.

Gangguan saraf dan otot

- Kelemahan otot, sakit otot, atau masalah berkaitan saraf yang boleh menyebabkan kelemahan dan kehilangan otot, terutamanya di bahagian atas kaki dan lengan.

Gangguan darah

- Isu darah seperti sel darah merah, putih atau platelet yang rendah dan risiko tindak balas yang teruk pada orang yang mengalami kekurangan enzim tertentu (kekurangan G6PD).

Kesan sampingan lain:

- Penurunan berat badan, keletihan, keadaan kulit yang semakin teruk, dan jarang berlaku, masalah jantung (terutama dengan dos yang tinggi).
- Pengumpulan sejenis lemak dalam tisu yang boleh menyebabkan kemudarat.

HCQS TABLET

Hydroxychloroquine Sulfate (200 mg)

Doktor mungkin akan memutuskan untuk menghentikan rawatan dengan HCQS Tablet.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati sebarang kesan lain yang membuatkan anda berasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini mungkin berlaku pada sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adverse ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan HCQS Tablet

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering. Jauhkan ubat ini daripada penglihatan dan capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

HCQS Tablet adalah tablet putih bersalut filem, berbentuk bulat, dwicembung.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Hydroxychloroquine sulfate 200 mg

- Bahan tidak aktif

Teras tablet: Magnesium stearate, calcium hydrogen phosphate dihydrate, maize starch, colloidal anhydrous silica, purified talcum, purified water BP, polysorbate 80, colloidal anhydrous silica.

Salutan filem: Polyethylene glycol 6000, titanium dioxide, purified talcum, hydroxy propyl methyl cellulose.

- Nombor MAL

MAL11080003AZ

Pengilang

Ipca Laboratories Ltd.

Plot No. 255/1, Village-Athal, Silvassa
3962360, Union Territory of Dadra &
Nagra Haveli and Daman & Diu, India

Pemegang Pendaftaran Produk

The Zyfas Medical Co.

No. 15, Jalan Mega 1/5,
Taman Perindustrian Nusa Cemerlang
79200 Iskandar Puteri, Johor
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

16/01/2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)260115/00002